



## MAJLIS AMANAH RAKYAT

(Agenzi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

### PERMOHONAN KEMASUKAN KE MAKTAB RENDAH SAINS MARA TINGKATAN SATU TAHUN 2012 SEMENANJUNG MALAYSIA

**MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)** mempelawa pelajar **TAHUN ENAM 2011** untuk kemasukan ke Maktab Rendah Sains MARA tingkatan **satu pada tahun 2012** di Semenanjung Malaysia.

Mulai tahun 2012, kemasukan ke Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) perlu menduduki Ujian Kecenderungan Kemasukan ke MRSM (UKKM) tingkatan satu dan temu duga.

Teras utama sistem pendidikan MRSM merangkumi pembangunan kurikulum, pembangunan kokurikulum, pembangunan pelajar dan perkhidmatan pendidikan. Sistem pendidikan ini menjadikan MRSM sebagai pusat kecemerlangan akademik, pembentukan sahsiah terpuji, cergas fizikal dan berbudaya usahawan.

Terdapat **empat** program utama yang dilaksanakan di MRSM. Program-program tersebut adalah seperti berikut:

- i. **MRSM Program Biasa**  
Program ini melaksanakan Sistem Pendidikan MRSM (SPMRSM)
- ii. **MRSM Program Ulul Albab**  
Sebagai tambahan, sistem pendidikan MRSM Program Ulul Albab ini merangkumi Pengajian Al-Quran (Hafazan), Bahasa Arab dan bahasa-bahasa lain seperti Bahasa Mandarin dan Bahasa Jepun selain subjek teras seperti yang sedia ada di MRSM.
- iii. **MRSM Program IGCSE**  
Program *Cambridge International General Certificate of Secondary Education (IGCSE)* diperkenalkan untuk menambah nilai (*value-add*) SPMRSM sedia ada yang menawarkan pensijilan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).
- iv. **MRSM Program Ulul Albab dan IGCSE**  
Program yang dilaksanakan ini menggabungkan program Ulul Albab dan program IGCSE.

#### A. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

Sila rujuk Jadual 1.

#### B. CARA MEMOHON MELALUI ONLINE :

1. Pemohon boleh mendapatkan **kata laluan** dengan **percuma** di semua **Pejabat MARA Negeri, Pejabat MARA Daerah atau Maktab Rendah Sains MARA (MRSM)** yang berdekatan pada waktu pejabat bermula **pada hari keputusan UPSR 2011** diumumkan secara rasmi.
2. Pemohon hendaklah membawa **salinan Surat Beranak** dan **salinan Keputusan UPSR 2011 yang telah disahkan** semasa mendapatkan **kata laluan**.
3. Pemohon mestilah mengisi semua maklumat yang diperlukan di dalam borang permohonan *online* dan memastikan borang tersebut dihantar secara *online*. Untuk maklumat lanjut sila layari laman web MARA di alamat :

<http://www.mara.gov.my>

4. Pemohon mestilah memilih MRSM yang dinyatakan mengikut program sebagai **pilihan pertama** semasa mengisi borang permohonan secara *online* untuk menduduki ujian dan temu duga.
5. Pemohon mestilah menghantar cetakan borang serta dokumen yang berkaitan ke alamat di bawah:

**(Permohonan Ke Tingkatan 1)**  
**Pengarah,**  
**Bahagian Pendidikan Menengah**  
**Tingkat 19, Ibu Pejabat MARA,**  
**21, Jalan Raja Laut,**  
**50609 KUALA LUMPUR.**

### C. TARIKH TUTUP

1. Tarikh akhir permohonan secara *online* ialah pada **30 November 2011**.
2. Tarikh akhir menghantar cetakan borang dan dokumen yang berkaitan ialah selewat-lewatnya pada **5 Disember 2011**.

### D. MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Hanya permohonan yang memenuhi syarat kelayakan sahaja akan dipertimbangkan.
2. Permohonan yang tidak lengkap atau lewat diterima daripada tarikh tutup tidak akan diproses.
3. Selain syarat kelayakan, keutamaan akan diberikan kepada calon seperti yang berikut :
  - i. Bergiat aktif dalam bidang kepimpinan, sukan/permainan, kelab dan persatuan serta pasukan pakaian seragam.
  - ii. Berasal daripada keluarga berpendapatan rendah dari sekolah pedalaman dan luar bandar.
4. Pemohon yang berjaya sahaja akan dihubungi. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang jawapan sehingga **30 April, 2012** permohonan anda dianggap **tidak berjaya**.
5. Pemohon yang berjaya akan ditempatkan di MRSM yang bersesuaian mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh MARA.
6. Pemohon yang ditawarkan ke **Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI)** Kementerian Pelajaran tidak akan ditawarkan ke MRSM.
7. Keputusan **Jawatankuasa Tertinggi Pengambilan Pelajar MRSM** adalah **muktamad**.

### BAHAGIAN PENDIDIKAN MENENGAH MARA

Jadual 1.

**SYARAT UMUM KELAYAKAN MASUK KE MRSM**

1. Warganegara Malaysia.
2. Ibu atau bapa warganegara Malaysia.
3. Permohonan ini **terbuka** kepada pelajar yang bersekolah di Semenanjung Malaysia :
  - i. Bumiputera tahun enam.
  - ii. Bukan Bumiputera tahun enam yang sedang menuntut di **Sekolah Kebangsaan atau Sekolah Rendah Kebangsaan**.
4. Pemohon hendaklah memperoleh **keputusan 5A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) tahun 2011**.
5. Pemohon akan menduduki Ujian Kecenderungan Kemasukan ke MRSM (UKKM) Tingkatan 1 pada tarikh antara **12 hingga 16 Disember 2011** yang akan diadakan di semua MRSM di Semenanjung Malaysia.

MRSM	SYARAT TAMBAHAN	UJIAN DAN TEMU DUGA	PILIHAN MRSM
<b>PROGRAM BIASA</b>		<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Temuduga</li> <li>▪ Matematik</li> <li>▪ Sains</li> <li>▪ Sikap</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Langkawi</li> <li>▪ Beseri</li> <li>▪ Kubang Pasu</li> <li>▪ Pendang</li> <li>▪ Merbok</li> <li>▪ PDRM Kulim</li> <li>▪ Balik Pulau</li> <li>▪ Transkrian</li> <li>▪ Pasir Salak</li> <li>▪ Lenggong</li> <li>▪ Gerik</li> <li>▪ Pengkalan Hulu</li> <li>▪ FELDA Trolak</li> <li>▪ Kuala Kubu Bharu</li> <li>▪ Serting</li> <li>▪ Kuala Klawang</li> <li>▪ Terendak</li> <li>▪ Muar</li> <li>▪ Pontian</li> <li>▪ Mersing</li> <li>▪ Kuantan</li> <li>▪ Muadzam Shah</li> <li>▪ Kuala Krai</li> <li>▪ Tun Ghazali Shafie</li> <li>▪ Jeli</li> <li>▪ Kuala Terengganu</li> <li>▪ Kuala Berang</li> <li>▪ Besut</li> <li>▪ Pasir Tumboh</li> <li>▪ Tumpat</li> </ul>
<b>PROGRAM ULUL ALBAB</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Permohonan ini juga <b>terbuka</b> kepada pelajar Bumiputera tahun enam yang sedang menuntut di <b>Sekolah Rendah Agama Negeri atau Sekolah Rendah Agama Rakyat</b>.</li> <li>▪ Berkebolehan <b>membaca Al-Quran</b> dengan baik dan mempunyai <b>minat</b> dalam bidang agama.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hafazan</li> <li>▪ Temuduga</li> <li>▪ Matematik</li> <li>▪ Sains</li> <li>▪ Sikap</li> <li>▪ Tulisan Jawi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Gemencheh</li> <li>▪ Kepala Batas</li> </ul>
<b>PROGRAM IGCSE</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Pemohon berkebolehan menguasai <b>Bahasa Inggeris</b> dengan baik.</li> <li>▪ Yuran peperiksaan dan kos pembelian buku IGCSE akan dibiayai oleh ibu bapa yang berkemampuan mengikut perkiraan kriteria yang ditetapkan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <i>Comprehension</i></li> <li>▪ Temuduga</li> <li>▪ Matematik</li> <li>▪ Sains</li> <li>▪ Sikap</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Tun Abdul Razak</li> <li>▪ Batu Pahat</li> <li>▪ Baling</li> <li>▪ Alor Gajah</li> </ul>
<b>PROGRAM ULUL ALBAB + IGCSE</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mempunyai <b>minat</b> dalam bidang agama.</li> <li>▪ Pemohon berkebolehan menguasai <b>bacaan Al-Quran dan Bahasa Inggeris</b> dengan baik.</li> <li>▪ Yuran peperiksaan dan kos pembelian buku IGCSE akan dibiayai oleh ibu bapa yang berkemampuan mengikut perkiraan kriteria yang ditetapkan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hafazan</li> <li>▪ Temuduga</li> <li>▪ <i>Comprehension</i></li> <li>▪ Matematik</li> <li>▪ Sains</li> <li>▪ Sikap</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Kota Putra</li> </ul>